

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN KERJA RAYA
PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEKOLAH**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Setakat 31 Disember 2021, sebanyak 10,224 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) telah dibina. Pembinaan sekolah bertujuan untuk menyediakan tempat pembelajaran yang lebih selesa, kondusif dan lengkap. Selain itu, adalah untuk menampung lebihan murid di sekolah berhampiran akibat pertambahan penduduk dan kewujudan kawasan perumahan baharu serta menjadikan sekolah ke arah satu sesi.
- Pengauditan tertumpu kepada projek sekolah baharu yang dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016 hingga 2021 meliputi projek baharu di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan projek sambungan. Tumpuan pengauditan juga terhadap 87 projek sekolah baharu dengan objektif untuk menampung lebihan murid dan ke arah sekolah satu sesi. Sampel Audit meliputi 19 projek di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.
- Prestasi projek dinilai berdasarkan dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan projek. Pengurusan projek pula meliputi dua perkara iaitu pencapaian kewangan dan pelaksanaan projek.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Untuk menilai sama ada pelaksanaan projek adalah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 dengan objektif untuk menampung lebihan murid dengan bilangan maksimum 35 murid dalam satu darjah dan ke arah menjadikan sekolah satu sesi.
- Sebanyak 87 projek sekolah baharu berjumlah RM2.899 bilion dilaksanakan dalam RMKe-11.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop dan sampel Audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan projek pembinaan sekolah adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Ini kerana berlaku kelemahan di peringkat perancangan, pra pelaksanaan

dan pelaksanaan projek oleh KPM, perunding dan kontraktor. Selain itu, masalah koordinasi dengan kerajaan negeri, PBT dan syarikat utiliti serta isu ketersediaan tapak projek turut menyumbang kepada kelewatan pelaksanaan projek. Keadaan ini menyebabkan objektif projek untuk menampung lebihan murid melalui pembinaan sekolah baharu dan ke arah sekolah satu sesi sukar dicapai. Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Enam projek mengambil masa antara empat tahun dua bulan hingga enam tahun dua bulan daripada kelulusan Unit Perancang Ekonomi (UPE) untuk disiapkan. Sembilan projek masih dalam tempoh pelaksanaan dan tiga projek belum dilantik kontraktor walaupun selepas empat hingga 11 tahun diluluskan UPE.
- Perancangan pembinaan dua sekolah baharu hanya dibuat setelah bilangan murid di sekolah berhampiran melebihi 35 orang dalam bilik darjah.
- Tiga projek pembinaan sekolah baharu lewat dimulakan dan membawa kepada pengecilan skop bilangan bilik darjah. Selain itu, kajian semula keperluan semasa meliputi skop bilangan bilik darjah bagi projek tersebut tidak dilaksanakan.
- Berdasarkan purata 41 sekolah menjadi satu sesi setahun, baki 1,211 sekolah dua sesi pada tahun 2021 akan mengambil masa 30 tahun untuk menjadi satu sesi iaitu pada tahun 2051 berbanding sasaran KPM tahun 2025.
- Kelemahan perunding dalam reka bentuk bagi lima projek menyebabkan tambahan kos berjumlah RM2.16 juta, manakala kelemahan dalam mengenal pasti keperluan di peringkat PBT dan syarikat utiliti bagi enam projek menyebabkan tambahan kos berjumlah RM1.26 juta.
- Bayaran kepada perunding berjumlah RM1.56 juta bagi empat projek dibuat sebelum kontrak dimeterai.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

memuktamadkan tanah tapak projek sebelum projek diangkat untuk kelulusan UPE bagi mengurangkan risiko kelewatan pelaksanaan projek.

- KPM hendaklah memastikan tanah yang diserahkan sebagai rizab pendidikan oleh pemaju adalah tanah yang sesuai untuk pembinaan dan tidak memerlukan kerja tanah tambahan yang kompleks.
- KPM hendaklah memperkemaskan prosedur dan proses pelaksanaan projek pembinaan sekolah supaya pengurusan lebih teratur dan mematuhi semua peraturan semasa yang berkuat kuasa.
- KPM hendaklah menjalankan kajian semula untuk mengenal pasti keperluan semasa skop pembinaan sekolah bagi projek yang lewat dimulakan pelaksanaannya.

